



ARCHIVE UNIT
PERPUSTAKAAN SULTANAH BAHIYAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

12

Rencana

UUM / AA87 / RH / 2.7.2026 / P:12 (1-3)

Khamis, 2 Julai 2026 BH

Bukan angka pemberian khas Sabah penting, tapi hasil untuk rakyat

● Peningkatan RM900 juta itu bukan sahaja jumlah interim tertinggi pernah diterima Sabah, malah beri isyarat jelas rundingan Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri sedang menghasilkan kemajuan yang nyata

● Isu kompleks seperti MA63 tidak mungkin diselesai melalui kenyataan politik semata-mata, sebaliknya perlu penelitian aspek perundangan, kewangan dan pentadbiran supaya keputusan dicapai mampu bertahan dalam jangka panjang



Oleh Prof Madya Dr Mashitah
Mohd Udin
bhrencana@bh.com.my

Perbincangan mengenai Pemberian Khas Sabah bukanlah isu baharu. Sejak sekian lama, ia menjadi antara tuntutan utama di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Namun, bagi penduduk negeri itu, persoalan paling penting bukan sekadar berapa jumlah diumumkan, sebaliknya apakah manfaat yang benar-benar dapat dirasakan dalam kehidupan seharian. Dalam konteks itu, pengumuman Per-

nilai keseluruhan RM2.17 bilion, termasuk peruntukan RM213.32 juta bagi 2026.

Projek itu merangkumi pembinaan infrastruktur jalan raya, peningkatan sistem bekalan air, sanitasi bandar, pembangunan keselamatan dan pertahanan serta pemuliharaan alam sekitar.

Daripada jumlah itu, 26 projek berada dalam fasa pelaksanaan, fasa pasca pelaksanaan (12 projek) dan satu projek siap sepenuhnya. Gambaran ini menunjukkan usaha memperjuangkan hak Sabah berjalan seiring dengan pemantauan terhadap pelaksanaan pembangunan di lapangan, sekali gus membuktikan komitmen kerajaan untuk mematuhi janji.

empat masih dalam rundingan manakala lima lagi memerlukan keputusan pada peringkat tertinggi.

Pendekatan berasaskan data ini membantu rakyat menilai kemajuan berdasarkan fakta, bukan persepsi.

Persoalan yang lebih penting ialah bagaimana tambahan peruntukan ini diterjemahkan kepada kesejahteraan rakyat. Sabah masih memerlukan pelaburan besar dalam jalan raya luar bandar, bekalan air bersih, elektrik, sekolah, klinik, hospital dan pelbagai kemudahan asas yang menjadi keperluan harian masyarakat.

Tambahan ruang fiskal ini juga memberi

sempena Pesta Kaamatan 2026 bahawa Geran Khas Interim Sabah dinaikkan daripada RM600 juta kepada RM1.5 bilion setahun menjadi satu perkembangan signifikan. Bayaran interim ini disalurkan sementara mekanisme pelaksanaan tuntutan 40 peratus hasil negeri terus dimuktamadkan mengikut Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan.

Hakikatnya, peningkatan ini bukan berlaku secara spontan. Ia hasil rundingan berlangsung secara konsisten dalam tempoh beberapa bulan. Pada 12 Mac lalu, perbincangan mengenai agenda pembangunan Sabah dan pelaksanaan MA63 diperkukuhkan pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Sehari kemudian, rundingan diteruskan bersama Peguam Negara bagi memperhalusi aspek perundangan berkaitan hak Sabah.

Proses itu diteruskan pada 13 dan 14 April melalui pertemuan bersama Menteri Kewangan Sabah serta beberapa siri perbincangan teknikal bagi memperincikan formula penyelesaian. Menjelang 26 Mei, rundingan memasuki fasa yang lebih kritikal apabila pertemuan diadakan bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk meneliti aspek kewangan sebelum kemuncaknya pada 30 Mei apabila Perdana Menteri mengumumkan kenaikan Geran Khas Interim kepada RM1.5 bilion setahun.

Peningkatan RM900 juta atau 150 peratus itu bukan sahaja jumlah interim tertinggi pernah diterima Sabah, malah memberi isyarat jelas rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri sedang menghasilkan kemajuan yang nyata.

Dalam keseluruhan proses ini, peranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Mustapha Sakmud, wajar diberi perhatian.

Selain menyelaras rundingan berkaitan MA63 dan hak kewangan Sabah, beliau turut memberi penekanan kepada pelaksanaan projek pembangunan di negeri itu.

Misalnya, ketika lawatan kerja ke Sandakan pada Mei lalu, beliau memaklumkan majoriti projek Kerajaan Persekutuan di daerah berkenaan direkodkan mengikut jadual pelaksanaan yang ditetapkan. Penekanan beliau jelas bahawa pembangunan Sabah tidak boleh diukur melalui jumlah peruntukan semata-mata, tetapi perlu diterjemahkan kepada pelaksanaan projek yang berkesan, telus dan memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Pendekatan berkenaan dapat dilihat melalui pelaksanaan 39 projek strategik di Sandakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) dengan

Pendekatan bayaran interim ini juga memperlihatkan perubahan dalam kaedah kerajaan menangani tuntutan MA63. Jika sebelum ini perbincangan banyak tertumpu kepada perbincangan mengenai hak dan tafsiran perundangan, kini pendekatan diambil lebih bersifat pragmatik.

Rundingan mengenai formula pelaksanaan tuntutan 40 peratus hasil negeri diteruskan, pada masa sama, rakyat tidak dibiarkan menunggu tanpa sebarang manfaat. Bayaran interim menjadi mekanisme yang membolehkan keperluan pembangunan Sabah terus diberi perhatian sementara penyelesaian muktamad dimuktamadkan.

Tindakan ini juga turut mencerminkan kematangan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan Sabah. Isu kompleks seperti MA63 tidak mungkin diselesaikan melalui kenyataan politik semata-mata, sebaliknya memerlukan penelitian aspek perundangan, kewangan dan penadbiran supaya keputusan yang dicapai mampu bertahan dalam jangka panjang.

Oleh itu, pembabitan Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, kementerian berkaitan serta kerajaan Sabah dalam siri rundingan berterusan menjadi elemen penting kepada penyelesaian mampan.

Lebih penting, perkembangan ini memberi isyarat pelaksanaan MA63 kini bergerak daripada peringkat komitmen kepada pelaksanaan yang boleh diukur.

Setiap keputusan dicapai bukan sekadar direkodkan di atas kertas, tetapi disusuli dengan implikasi kewangan dan dasar yang mampu memberi kesan langsung kepada kesejahteraan penduduk Sabah.

Pendekatan ini juga selari dengan penggunaan Dashboard MA63 yang membolehkan kemajuan setiap tuntutan dipantau secara lebih telus. Daripada 29 perkara utama, 13 sudah diselesaikan, lima mencapai penyelesaian interim, dua mempunyai keputusan dasar,

serta meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam, khususnya di kawasan pedalaman yang masih berdepan jurang pembangunan.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menjelaskan hasil kutipan Persekutuan daripada Sabah dianggarkan sekitar RM10 bilion setahun, manakala perbelanjaan pembangunan yang disalurkan semula ke negeri itu mencecah RM17 bilion, selain subsidi petrol, diesel dan LPG dianggarkan RM3 bilion tahun ini.

Penjelasan ini penting bagi memberikan gambaran menyeluruh mengenai kedudukan fiskal negara, tanpa menafikan hak Sabah yang terus dirundingkan.

Sudah tentu RM1.5 bilion bukan penyelesaian muktamad kepada semua cabaran pembangunan Sabah. Namun, peningkatan ini membuktikan pendekatan rundingan, kerjasama antara kerajaan dan penelitian teknikal mampu menghasilkan kemajuan yang boleh diukur sementara menunggu penyelesaian penuh mengenai tuntutan 40 peratus hasil negeri.

Akhirnya, rakyat tidak menilai kejayaan sesuatu dasar berdasarkan angka semata-mata. Mereka menilai melalui jalan lebih baik, bekalan air yang lebih stabil, sekolah lebih selesa, hospital lebih lengkap dan peluang ekonomi semakin luas.

Jika tambahan RM1.5 bilion ini berjaya diterjemahkan kepada perubahan sedemikian, maka penduduk Sabah sendiri akan menjadi saksi bahawa perjuangan di bawah MA63 sedang bergerak daripada meja rundingan kepada manfaat yang benar-benar dirasakan.

